

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN**  
**ISMAIL [PANDAN]**  
**TARIKH : 02 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengembalikan simpanan pencarum KWSP ke tahap yang munasabah untuk persaraan mereka nanti, terutama kalangan mereka dengan simpanan kurang daripada RM100,000 selepas pelbagai skim membenarkan mereka mengeluarkan simpanan untuk persaraan bagi mengatasi kemelut kewangan akibat COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, program-program pengeluaran khas iaitu i-Lestari, i-Sinar, dan i-Citra telah diperkenalkan oleh KWSP sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dalam menangani krisis pandemik COVID-19.

Ketiga-tiga pengeluaran ini adalah bagi membantu ahli di bawah umur 55 tahun yang terjejas dari segi pekerjaan dan pendapatan mereka akibat pelaksanaan PKP untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka bagi suatu tempoh yang terhad tertakluk kepada baki simpanan KWSP masing-masing. Pengeluaran i-Lestari, i-Sinar, dan i-Citra, telah mengakibatkan sejumlah RM101 bilion telah dikeluarkan dan disalurkan

kepada lebih 7.4 juta ahli, atau lebih daripada separuh jumlah keseluruhan ahli KWSP.

Walaupun pengeluaran tersebut telah memberikan sedikit kelegaan kewangan kepada ahli semasa pandemik dan pelbagai peringkat PKP, jumlah simpanan yang telah dikeluarkan kini telah menyebabkan seramai 6.1 juta ahli mempunyai kurang daripada RM10,000 dalam akaun KWSP mereka, yang mana daripada jumlah tersebut, seramai 3.6 juta mempunyai kurang daripada RM1,000, seterusnya menjadikan mereka lebih rentan dan tanpa perlindungan persaraan.

Selain impak daripada pengeluaran-pengeluaran khas tersebut, antara faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada jumlah simpanan persaraan yang rendah ialah tahap gaji yang rendah, caruman yang tidak konsisten, pengeluaran pra-persaraan daripada Akaun 2 dan kadar kesedaran perancangan persaraan dan celik kewangan yang rendah.

### **Langkah-langkah mengembalikan simpanan ahli KWSP**

Dalam usaha mengembalikan semula simpanan ahli yang telah membuat pengeluaran i-Sinar dan i-Citra daripada Akaun 1, caruman baharu yang diterima daripada ahli-ahli yang terlibat akan dikreditkan ke dalam Akaun 1 sehingga keseluruhan amaun pengeluaran yang diambil daripada Akaun 1 diganti semula sepenuhnya. Setelah itu, pecahan caruman akan kembali kepada 70 peratus untuk Akaun 1 dan 30 peratus untuk Akaun 2.

Selain itu, KWSP telah menyediakan pelbagai saluran untuk ahli menambah simpanan persaraan mereka. Selain caruman berkanun KWSP ke atas upah yang wajib dicarumkan oleh pekerja dan majikan, ahli KWSP boleh menambah simpanan persaraan mereka melalui caruman sukarela sama ada melalui caruman melebihi kadar berkanun ataupun caruman pilihan sendiri.

Caruman sukarela turut boleh dibuat oleh mana-mana pekerja sektor formal, orang yang bekerja sendiri dan mereka yang tidak bekerja seperti pelajar dan suri rumah sehingga RM60,000 setahun di bawah Program i-

## NO SOALAN : 37

Saraan. Bagi golongan yang mencarum sukarela dan berumur di bawah 55 tahun, mereka boleh menikmati insentif atau sumbangan Kerajaan sebanyak 15% daripada caruman tidak melebihi RM250 setahun.

KWSP juga menyedari bahawa kesedaran dan pengetahuan mengenai perancangan kewangan dan persaraan adalah penting dalam pengurusan kewangan untuk hari ini dan masa hadapan. Oleh itu, KWSP telah memperkenalkan *Retirement Advisory Service (RAS)* sejak 2014 yang bertujuan memberi khidmat nasihat dan rundingan mengenai perancangan kewangan dan persaraan. Perkhidmatan ini adalah terbuka kepada ahli dan bukan ahli KWSP. Sehingga kini, seramai lebih daripada 300 ribu ahli telah mendapat khidmat nasihat daripada pegawai RAS KWSP di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.